

Daripada burger kepada kedai gunting rambut

SAYA pernah menjalankan perniagaan menjual burger di kampung, selepas tamat persekolahan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Setelah mendapat tawaran ke matrikulasi, perniagaan burger terpaksa dihentikan seketika.

Kemudian, selepas tamat matrikulasi saya menyambung semula bisnes ini. Setelah itu, saya terpaksa sekali lagi menghentikan bisnes burger kerana menyambung pelajaran di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Walaupun saya tidak lagi membuat bisnes burger, tetapi saya mendapat idea menyediakan perkhidmatan menggunting rambut untuk para pelajar di UPM. Berikut ialah petua bagaimana saya berjaya membuat bisnes gunting rambut ini.

1. Tetapkan tujuan

Tujuan saya bermula awalnya adalah untuk menyimpan sedikit bekalan kewangan sebelum melanjutkan pelajaran di peringkat universiti dan cuba untuk tidak terlalu menyusahkan ibu bapa yang banyak berkorban.

Setelah menjelaki ke universiti, saya mula menyedari bahawa hidup di kampus memerlukan wang tambahan bagi memenuhi keperluan pembelajaran seperti buku rujukan, tugas yang perlu diantar dan penyertaan program yang memerlukan pelajar mengeluarkan duit sendiri.

2. Mulakan dengan modal kecil

Setelah masuk UPM, saya cuba untuk membuat servis gunting rambut secara kecil-kecilan bermula hanya di bilik pantri kolej pada hujung 2015. Saya bermula dengan modal sendiri yang disokong daripada ibu bapa dan keluarga.

Saya mengenakan caj sebanyak RM4. Menyedari bahawa pelajar sangat memerlukan servis gunting rambut, tambahan pula harga di luar terlalu tinggi untuk pelajar, saya me-

GRADUAN USAHAWAN

Ilman Hanis Ibrahim

ngajak rakan saya iaitu Taufiq untuk sama-sama membuka sebuah kedai gunting rambut di UPM yang diberi nama Lovintage Barbershop.

Lokasi kedai kami terletak di Cafe Kolej Canselor, UPM. Memang tidak disangka-sangka, kami menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada para pelajar. Saban hari kedai kami tidak pernah lekang daripada pelajar yang datang untuk menggunting rambut.

3. Rakan niaga yang sama minat

Saya bersyukur kerana ditemukan dengan sahabat saya, Taufiq. Pengalaman sahabat saya pula, mula membuat servis gunting rambut dari kolej ke kolej dengan harga RM4 pada awal 2015 bermodal-RM100.

Pada hujung 2015 juga, servis diberi penambahbaikan dengan harga RM5 dan hanya beroperasi di kolej disebabkan permintaan pelanggan yang terlalu ramai.

Taufiq juga berjaya mendapatkan pelanggan tetap seramai empat hingga tujuh orang setiap hari. Dia membuat perniagaan servis gunting rambut juga untuk menampung perbelanjaan ketika belajar di universiti dan ingin hidup berdikari. Pada April 2017, kami berjaya menubuhkan Lovintage Barbershop yang mengenakan caj potongan rambut sebanyak RM7.

4. Dahulukan yang penting

Pengurusan masa sangat penting dalam kehidupan bergelar seorang pelajar. Kemampuan untuk merancang dan mengawal penggunaan masa secara efektif amatlah

perlu untuk memastikan perniagaan dan perniagaan berjalan dengan baik serentak.

Kedai kami beroperasi pada hari Isnin hingga Jumaat dari pukul 5 petang hingga 11 malam manakala pukul 2 petang hingga 11 malam pada hari minggu sesuai dengan waktu kami sebagai pelajar dan pelanggan kami juga rata-ratanya dalam kalangan pelajar dan kebanyakannya hanya mempunyai masa selepas waktu kelas dan di hari minggu.

Di samping itu, dalam waktu sama ia tidak mengganggu fokus untuk mendapatkan segulung ijazah. Waktu bersama kawan-kawan juga terhad kerana perlu memberi komitmen kepada bisnes. Janganlah menjadikan kesibukan sebagai penghalang untuk mencburui bidang perniagaan.

5. Sentiasa ada perancangan untuk masa depan

Perancangan masa depan untuk Lovintage Barbershop ialah kami akan sentiasa memberi penambahbaikan dari segi servis kami kepada pelanggan dan meningkatkan kemahiran potongan rambut seperti 'hair rebonding', cuci rambut, 'hair relaxing' dan banyak lagi.

Kami juga berhasrat untuk membuka lebih banyak kedai gunting rambut sekitar UPM yang memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan kami iaitu para pelajar UPM sendiri. Di samping itu, kami juga mahu menawarkan harga servis yang berpatutan mengikut kemampuan pelajar.

Kami juga sentiasa memuat naik segala aktiviti di dalam media sosial seperti Facebook Lovintage barbershop untuk memastikan pelanggan kami sentiasa mengikuti perkembangan dan rancangan kami pada masa depan.

ILMAN HANIS IBRAHIM adalah penuntut Tahun Tiga Bachelor Pendidikan Sains (Rumah Tangga), Fakulti Pendidikan Universiti Putra Malaysia.